

Manja  
Ismail



manja@nstp.com.my

# Stadium runtuh: Punca diketahui, siapa pelaku?

Berita Harian

15/05/2010

M/S 16

Tindakan segera perbaiki kerosakan pulih imej Terengganu

**L**APORAN Jawatankuasa Penyiasat Bumbang Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin (SSMZA) runtuh pada 2 Jun 2009 yang diumumkan Menteri Besar Terengganu, Datuk Ahmad Said pada Rabu lalu, lebih menimbulkan tanda tanya daripada menjawab persoalan sebenar – siapakah bertanggungjawab atau harus dipertanggungjawabkan atas kejadian yang memalukan itu? Dalam laporannya, jawatankuasa itu mendapati kegagalan semua pihak yang dilantik untuk membina SSMZA mengikut spesifikasi seperti ditetapkan di dalam kontrak, menjadi punca kejadian dan kerana itu semua pihak menyumbang kepada keruntuhan bumbang stadium itu.

Ahmad, ketika mendedahkan laporan kertas siasatan kejadian itu berkata, jawatankuasa penyiasat mendapati punca utama ialah bahan dan kualiti hasil kerja tidak memenuhi spesifikasi, faktor reka bentuk yang tidak memadai dan bumbang tidak dibina dengan sempurna. Kawalan kualiti yang tidak dilaksanakan di tapak projek serta pengawasan lemah ketika proses pembinaan stadium dijalankan dan faktor kekurangan pekerja mahir turut menyumbang. Selain itu, kekurangan jurutera pakar dan perunding berpengalaman serta sikap ambil mudah dan cuai di semua bahagian, juga menjadi punca kejadian.

“Tidak ada satu pihak pun yang ditunjukkan benar-benar paling bersalah. Semua bahagian pun ada (salah). Semua pihak menyumbang ke arah runtuhnya bumbang stadium itu,” kata Ahmad tetapi menambah, berdasarkan perjanjian, kontraktor utama adalah pihak yang bertanggungjawab penuh kerana sudah mereka bentuk, membimbing dan membina struktur kerangka bumbang SSMZA mengikut terma syarat reka dan bina. Ahmad juga berkata, walaupun notis sudah dikeluarkan kepada kontraktor utama supaya memperbaiki semula kerosakan itu, kerajaan negeri belum mendapat jawapan. Pada masa sama, tender akan dikeluarkan bagi proses membersihkan dan penyelenggaraan runtuh bumbang berkenaan.

Laporan jawatankuasa itu tidak harus dipertikaikan kerana penubuhannya sejak daripada awal lagi memang bertujuan mencari punca kejadian. persoalannya apakah kejadian yang memamerkan amalan buruk dalam pengurusan projek membabitkan wang rakyat itu berhenti setakat pengumuman jawatankuasa berkenaan? Memang prinsip tanggungjawab bersama digalakkan jika ia membabitkan masalah sosial seperti membuang bayi dan memerangi jenayah, tetapi bukannya bagi kegagalan pengurusan projek berharga ratusan juta ringgit seperti SSMZA ini. Di manakah letaknya prinsip akauntabiliti dan integriti pengurusan projek yang menjadi asas profesionalisme dalam sektor awam dan korporat selama ini? Kalaupun semua pihak dipersalahkan atas kejadian itu, apakah bentuk hukuman terhadap mereka agar menjadi pengajaran supaya ia tidak ber-



**BUMBUNG Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin runtuh pada 2 Jun 2009.**

ulang pada projek lain pada masa depan?

Berikutan laporan jawatankuasa penyiasat itu, salah sebuah syarikat perunding projek itu tampil memberi penjelasan terbuka mengenai apa yang berlaku ketika pembinaan stadium berharga RM292 juta yang menjadi venue utama Sukan Malaysia (Sukma) 2008 itu. Senibahri Arkitek, syarikat perunding yang dilantik kerajaan negeri untuk mereka bentuk kerangka SSMZA menafikan terabit dengan reka bentuk bumbang stadium yang runtuh itu. Pemiliknya, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah, mendakwa pihaknya hanya ditugaskan untuk mereka bentuk struktur bangunan stadium, manakala syarikat dari Korea yang dipilih kontraktor utama ditugaskan untuk mereka bentuk struktur kerangka bumbang stadium.

“Kami hanya bertindak sebagai perunding kerajaan dan tidak terabit secara langsung dengan reka bentuk terperinci struktur dan pengawasan pembinaan bumbang itu. Sepanjang pembinaan bumbang stadium itu, ia diselia dan disiapkan perunding yang dilantik kontraktor utama,” katanya pada sidang media minggu lalu. Raja Kamarul Bahrin juga mendakwa pernah memberi pandangan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) berhubung ketidaksempurnaan bumbang berkenaan yang dikesan sejak dalam proses pembinaan.

“Kami sudah menghantar empat surat dengan surat terakhir dihantar ialah pada 19 Februari tahun lalu yang antaranya menyatakan pihak Senibahri Arkitek tidak mahu bertanggungjawab ke atas apa-apa yang berlaku selepas nasihat diberikan tidak dibuat susulan

sewajarnya,” ujar beliau.

Jika benar dakwaan Raja Kamarul Baharin itu, apakah penjelasan JKR mengenai keengganannya atau kontraktor utama bertindak memperbaiki ketidaksempurnaan yang dikesan itu? Bukankah JKR sebagai pengawas setiap projek kerajaan mempunyai kuasa ke atas kontraktor? Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak lama dulu dilaporkan sudah menyiapkan siasatannya terhadap kes itu selepas memanggil semua pihak terabit dengan pembinaan SSMZA, termasuk kontraktor utama dan pegawai JKR negeri. Khabarnya bertimbun fail turut diambil bagi memperincikan siasatan. Kita tidak tahu sama ada siasatan itu sudah selesai atau sebaliknya. SPRM hanya menyiasat, tetapi yang menentukan sama ada kes itu cukup bukti untuk membawa mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan terletak di Pejabat Peguam Negara.

Satu perkara yang agak melegakan daripada pengumuman Ahmad mengenai kejadian itu minggu lalu ialah langkah bagi memperbaiki segera bumbang stadium itu. Elok sangatlah usaha itu disegerakan kerana sejak lebih lapan bulan lalu, pemandangan yang menyakitkan mata itu menjadi tarikan utama penumpang pesawat yang turun ke lapangan terbang berhampiran. Memang runtuh bangunan juga boleh menjadi tarikan utama pelancong seperti Coliseum di Kota Rome yang termasyhur itu. Bagaimanapun, runtuh Coliseum itu adalah kesan kejatuhan serta berakhirnya satu empayar dan tamadun paling gagah di dunia. Apakah kita mahu menjadikan runtuh bumbang SSMZA itu sebagai lambang berakhirnya permulaan untuk membina satu tamadun?